

Uchapan : A040
480
99/80

Uchapan Y.B. Inche Hussein Onn, Menteri Pelajaran, di-upachara penutupan resmi Expo Pendidikan '72 oleh Perdana Menteri di-Stadium Negara pada 12hb Ogos, 1972 pukul 3.30 petang

Y.A.B. Tun Perdana Menteri dan Toh Puan Raha,

Y.B. Menteri2,

Tuan2 Yang Terutama,

Y.A.B. Menteri2 Besar dan Ketua2 Menteri,

Y.B. Ahli2 Dewan Raayat dan Dewan Negara,

Yang Berbahagia Tan Sri2, Puan2 Sri, Dato2 dan Datin2,

Tuan2 dan Puan2 hadhirin sekalian.

1. Hari ini ia-lah hari terakhir bagi Expo Pendidikan '72. Saya mengucapkan terima kaseh kepada Y.A.B. Tun Perdana Menteri atas kesudian beliau datang pada petang ini di-kalangan kita semua dan merasmikan upacara penutup Expo ini. Saya juga mengucapkan terima kaseh kepada Toh Puan Raha kerana telah bermurah hati bersetuju menyampaikan hadiah2 kepada para pemenang dalam pelbagai pertandingan yang telah di-adakan.

...3

2. Sambutan orang ramai terhadap Expo ini, Pertandingan Membacha dan Mentafsir Al-Quran di-Masjid Negara, Pertunjukan Pancharagam Sekolah2 di-Stadium Merdeka, Kejohanan Drama Sekolah2 Menengah di-Dewan Bandaraya dan Pesta Muzik di-Dewan Bahasa dan Pustaka, ada-lah sangat baik dan sungguh memuaskan. Ada-lah di-anggarkan bahawa setakat ini seramai 250 ribu orang telah mengunjongi Expo ini. Kami di-Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa tujuan utama mengadakan Expo ini, ia-itu untok memberi tahu raayat kita dan menyaksikan sendiri, kemajuan2 yang telah di-buat dalam lapangan pelajaran, telah pun terchapai.

3. ~~Sebelum~~ Sistem pelajaran kita mesti-lah mengikuti peredaran masa supaya dapat memberikan faedah kepada negara. Kita mesti-lah bersifat pragmatik dalam sikap serta hasrat kita, berkenaan dengan jenis pelajaran yang hendak kita berikan kepada kanak2 kita berasaskan kepada perpaduan dan kemajuan yang sangat2 di-perlukan oleh negara kita. Kita mesti-lah mempunyai pemikiran dan perancangan yang objektif dan positif, sakira-nya kita hendak mengatasi chabaran2 hebat yang menghadapi negara kita. Satiap orang mesti-lah menyedari sapenohnya chabaran2 ini, dan mempunyai dedikasi serta keadzaman untuk mengatasi ^{nya} ~~ini~~ semua. Dalam tahun2 yang

kebelakangan ini, Kementerian Pelajaran sedar akan perkara ini dan telah pun dan akan terus ^{mengambil} ~~diambil~~ langkah2 untuk menghadapi-nya. Dasar pelajaran kita sedang di-laksanakan dengan pesat-nya, sementara curricula? bagi sekolah2 rendah, menengah, vokeshenal dan sekolah2 teknik kita sentiasa di-kaji dan di-lengkapkan; kursus2 pengajian di-maktab2 dan universiti2 kita sedang di-selaraskan untuk memenohi keperluan2 tenaga manusia bagi negara ini; sharat2 perkhidmatan pelajaran kita, telah banyak di-perbaiki dan begitu juga kualiti serta kuantiti latehan

perguruan kita. Kementerian Pelajaran sendiri serta

Jabatan2 Pelajaran Negeri, telah dan akan terus di-

susun semula dan di-perkuatkan lagi bagi menentukan

supaya sanggup memikul tanggung-jawab2 mereka dan

menghadapi pelbagai chabaran ~~itu~~. pada masa hadapan.

oleh kerana tanpa sokongan, kerjasama dan kerja

mereka yang bersungguh2, Expo ini dan aktiviti2

lain yang berkenaan tidak akan dapat di-adakan.

Saya ingin menyebutkan di-sini sumbangan2 kewangan

yang di-hulurkan oleh pertubuhan2 dan sharikat2

swasta, khas-nya Sharikat Baso Standard ...7


Berhad yang telah menderma lebih dari \$10,000/-

4. Sekarang sampai-lah ketika-nya bagi saya untuk menyatakan penghargaan saya serta mengucapkan terima kaseh kepada semua tetamu kehormat kita yang berada di-kalangan kita semua pada petang ini dan kepada semua orang serta pertubohan2 yang berkenaan oleh kerana tanpa sokongan, kerjasama dan kerja mereka yang bersungguh2, Expo ini dan aktiviti2 lain yang berkenaan tidak akan dapat di-adakan. Saya ingin menyebutkan di-sini sumbangan2 kewangan yang di-hulorkan oleh pertubohan2 dan sharikat2 swasta, khas-nya Sharikat Esso Standard Malaya Berhad yang telah menderma lebeh dari \$10,000/-

untuk menganjorkan pertandingan Sains, Sports Toto Sendirian Berhad yang telah menderma \$10,000/- dan juga Persatuan Penerbit2 Buku Malaysia atas sumbangan mereka sebanyak \$10,000/- dan turut serta di-dalam Expo ini. Saya menguchapkan terima kaseh kepada mereka semua. Akhir sekali, saya menguchapkan terima kaseh kepada kakitangan dan penuntut2 Maktab Perguruan Teknik, Cheras atas segala sumbangan mereka, dan mereka akan menghadapi tugas yang sebak menanggalkan serta membuka segala2-nya dalam masa dua hari yang akan datang ini. Sekali lagi saya menguchapkan terima kaseh kepada Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras kerana usaha

mereka untuk menjayakan Expo ini.

5. Sekarang dengan seberapa sukachita-nya,
saya mempersilakan Y.A.B. Tun Perdana Menteri untuk
merasmikan penutupan Expo ini.



tersebut untuk menjabarkan hal-hal yang

tersebut dengan beberapa sub-sub-

nya. Mengingat hal tersebut, Y.A.B. Tun Perdana Menteri untuk

menyampaikan penutupannya ini.



No. Siri 130
No. Penerimaan 130/80